

**AKTA SURUHANJAYA SEKURITI 1993**

**PERINTAH SURUHANJAYA SEKURITI (PINDAAN JADUAL 2  
DAN JADUAL 3) 2001**

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 2(2) Akta Suruhanjaya Sekuriti 1993 [Akta 498], Menteri, atas syor Suruhanjaya, membuat perintah yang berikut:

**Nama**

1. Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Suruhanjaya Sekuriti (Pindaan Jadual 2 dan Jadual 3) 2001.**

**Pindaan Jadual 2**

2. Jadual 2 kepada Akta Suruhanjaya Sekuriti 1993, yang dalam Perintah ini disebut “Akta ibu”, dipinda—

- (a) dengan menggantikan perenggan 15 dengan perenggan yang berikut:

“15. Semua perdagangan sekuriti yang dilaksanakan di pasaran saham sesuatu bursa saham yang diluluskan oleh Menteri menurut subseksyen 8(2) Akta Perindustrian Sekuriti 1983.”; dan

(b) dengan menggantikan perenggan 19 dengan perenggan yang berikut:

“19. Semua perdagangan sekuriti yang dilaksanakan dalam pasaran wang.”.

### **Pindaan Jadual 3**

3. Jadual 3 kepada Akta ibu dipinda—

(a) dengan menggantikan perenggan 15 dengan perenggan yang berikut:

“15. Semua perdagangan sekuriti yang dilaksanakan di pasaran saham sesuatu bursa saham yang diluluskan oleh Menteri menurut subseksyen 8(2) Akta Perindustrian Sekuriti 1983.”; dan

(b) dengan menggantikan perenggan 19 dengan perenggan yang berikut:

“19. Semua perdagangan sekuriti yang dilaksanakan dalam pasaran wang.”.

Dibuat 19 Julai 2001.

[PP(S) 0.361Jld.III/(25);PN(PU<sup>2</sup>)523/II]

Bagi pihak dan atas nama Menteri Kewangan,

CHAN KONG CHOY  
*Timbalan Menteri Kewangan*